

# ICIBACC2014

INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
ISLAMIC BUSINESS, ART,  
CULTURE & COMMUNICATION

"Addressing Challenges & Sustaining  
Excellence in a Globalised Malay &  
Islamic World"

DEPARTMENT OF  
RESEARCH & INDUSTRIAL LINKAGES  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MELAKA



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

AKEPT  
AKADEMI KEPIMPINAN PENGAJANTING

HIGHER  
EDUCATION  
LEADERSHIP  
ACADEMY



BABAS PEGAWAI  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



sponsored by  
karangkraf  
[www.karangkraf.com](http://www.karangkraf.com)

Asian Gees Sdn Bhd Suria Melaka Sdn Bhd

# **LEGASI PEMIKIRAN IBN KHALDUN DI ALAM MELAYU**

**Hasan Bahrom<sup>1</sup>, Baterah Alias<sup>2</sup>**

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari<sup>1</sup>*

*Universiti Teknologi MARA*

*Kampus Alor Gajah Melaka*

*hasanbahrom@gmail.com*

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari<sup>2</sup>*

*Universiti Teknologi MARA*

*Shah Alam Selangor*

*baterah@salam.uitm.edu.my*

## **Abstrak**

Ibn Khaldun seorang tokoh pemikir peradaban Islam yang cukup istimewa dalam sejarah. Beliau aktif dalam kerja-kerja akademiknya pada penghujung abad ke-14M/8H yang merupakan era peradaban dan ketamadunan Islam sedang berada di ambang kemerosotan. Sebagai ahli falsafah sejarah, beliau bertuah kerana berpeluang menyaksikan fasa akhir dalam kitaran atau pusingan sejarah peradaban dan ketamadunan Islam. Bermula dengan proses bangkit, mencapai kegemilangan dan kemudiannya mengalami kemerosotan dan beliau merupakan tokoh yang menelusuri sebahagian daripada proses tersebut. Pemikiran Ibn Khaldun bukan hanya berkembang dan dibahas oleh masyarakat setempat, malah aliran pemikirannya mempengaruhi aliran pemikiran masyarakat alam Melayu dalam aspek sosio budaya, politik, ekonomi dan sosial. Pengaruh Ibn Khaldun dalam aliran pemikiran Melayu amat signifikan dalam senario budaya masyarakat Melayu. Persoalannya, sejauhmanakah pemikiran Ibn Khaldun mempengaruhi aliran pemikiran alam Melayu, bagaimana pemikiran ini diindoktrinasi dalam masyarakat dan apakah aliran pemikiran Ibn Khaldun mampu mempengaruhi masyarakat alam Melayu. Kertas kerja ini akan cuba menganalisis secara dekat, pengaruh pemikiran Ibn Khaldun dalam masyarakat Melayu dari pelbagai aspek, dan sumbangannya dalam pembangunan negara.

**Katakunci:** Legasi pemikiran, Pemikiran Ibn Khaldun, Ibn Khaldun di Alam Melayu